

**BENGGKEL PENINGKATAN SEJARAH  
SPM 2019**

**TARIKH : 30 OGOS 2019**

**TEMPAT : SM FOON YEW**

**KULAI**

## Teknik Menjawab Kertas Peperiksaan Sejarah SPM

1. Mulai tahun 2013, SPM bagi mata pelajaran Sejarah mengalami perubahan format peperiksaan.

- Melibatkan beberapa aspek perubahan kertas 1 dan kertas 2
- Sejarah kertas 3 diperkenalkan untuk diuji kepada calon peperiksaan.
- Calon perlu melaksanakan tugas umum dan tugas spesifik.
- Soalan KBAT /KBKK diuji semakin banyak dalam kertas 2 dan kertas 3

2. Ciri-ciri Kertas 1

- Bersifat objektif
- Konstruk yang diukur : Pengetahuan , pemahaman , aplikasi dan analisis
- Jumlah soalan : 40 soalan
- Wajaran : 30 %
- Masa Menjawab : 1 Jam
- Bentuk soalan: Aneka pilihan dan aneka pelengkap dua pilihan.

3. Contoh Soalan Aneka Pilihan

Mohenjo-Daro dan Harappa adalah bandar terancang terawal di dunia.

Mengapakah masyarakat Tamadun Indus berjaya membina bandar terancang tersebut?

- A Perluasan pengaruh
- B Penyebaran agama Hindu
- C Sumbangan golongan bangsawan
- D Pertembungan dengan tamadun luar

4. Contoh soalan Aneka Pelengkap dua pilihan

Apakah ciri-ciri sistem Republik di Rom?

- I Konsul melantik ahli Dewan Senat
  - II Tiada pemerintah berkuasa mutlak
  - III Kuasa tertinggi terletak pada dua orang konsul
  - IV Konsul menjadi lebih berkuasa
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

5. Calon perlu menguasai dan memahami keseluruhan sukatan pelajaran Tingkatan 4 &5.

- Memahami istilah-istilah dan konsep penting dengan merujuk Sudut Tahukah Anda Atau Sudut Maklumat dalam buku teks.
- Menguasai semua fakta , huraian dan contoh bagi setiap sub topik
- Latih tubi menjawab soalan objektif SPM tahun-tahun lepas kerana ia dapat membantu calon mengenalpasti bentuk dan trend soalan.

6. Mengenal pasti sebab sesuatu jawapan itu salah atau betul

- Lazimnya terdapat 2 pilihan jawapan yang tidak tepat, 1 jawapan “pengganggu “ dan 1 jawapan yang tepat.
- Kenal pasti dan fahami kehendak soalan. Gunakan kaedah singkir/hapus
- Jawapan pilihan anda hendaklah ditanda pada kertas jawapan dengan cermat dan teliti

7. Sekiranya terdapat soalan yang sukar dan kurang yakin jawapannya,
- Calon seharusnya tinggalkan dahulu soalan tersebut sebaliknya meneruskan dengan soalan selanjutnya.
  - Teliti semula soalan bermasalah selepas menjawab soalan-soalan lain.
  - Ingat! Purata masa bagi satu-satu soalan objektif ialah 1.5 minit. Urus masa dengan bijak
  - Selepas selesai menjawab, semak semua jawapan yang telah ditanda.

8. Soalan SPM berulang-ulang setiap tahun

- Latih tubi menjawab soalan SPM tahun-tahun lepas. Skor tinggi ( 30/40 ) Jika melepasi aras tersebut , barulah menjawab soalan latih tubi selanjutnya.
- Pemberian bagi pilihan jawapan ( A, B, C,D) yang betul adalah hamper sama bilangannya, iaitu antara 8 – 12 . Contohnya SPM 2016 A=9 , B=12 C=9 D=10

9. **CIRI-CIRI KERTAS 2**

- Terdiri daripada 2 Bahagian iaitu Bahagian A ( struktur) dan Bahagian B ( Esei)
- Konstruk yang diuji : Pengetahuan , pemahaman, aplikasi, analisis, menilai dan menjana idea
- BAHAGIAN A : 4 soalan , jumlah markah =40
- BAHAGIAN B : 7 Soalan , pilih 3 , jumlah markah =60
- Jumlah markah kertas 2 =100 markah
- Wajaran : 50 %
- Masa Menjawab : 2Jam 30 Minit

10. **BAHAGIAN A Sejarah Kertas 2**

- Calon perlu menguasai dan memahami keseluruhan sukatan pelajaran Tingkatan 4&5
- Memahami istilah-istilah dan konsep penting dengan merujuk Sudut Tahukah Anda dan Sudut Maklumat dalam buku teks
- Taburan soalan SPM adalah seimbang mengikut sukatan pelajaran Tingkatan 4&5 iaitu soalan 1&2 =tingkatan 4 manakala soalan 3&4 =Tingkatan 5.
- Trend soalan pecahan bagi setiap soalan bentuk ini terdiri daripada 3 pecahan Dan peruntukan markah a) 2 markah , b) 4 markah c) 4 markah

11. Semasa menjawab , baca dan fahamai kehendak soalan.

- Pastikan jawapan padat dan tepat serta tidak terlalu umum , lebih baik ayat lengkap.
- Berikan seberapa banyak jawapan iaitu isi atau fakta dengan huraian yang bersesuaian, sesuai lebih daripada markah peruntukkan.
- Berikan lebih isi/fakta jika anda mempunyai masa lebih
- Sebaik-baiknya jawapan banyak fakta dan sedikit huraian /penerangan

12. Sehingga kini , kata tugas soalan seperti nyatakan, berikan, senaraikan, apakah , terangkan , jelaskan dan sebagainya tidak perlu menjawab secara terperinci.

- Calon hanya menyatakan isi dan fakta yang berkaitan dengan fokus soalan.
- Sekiranya terdapat soalan yang sukar dan kurang yakin jawapannya, calon seharusnya tinggalkan dahulu tersebut sebaliknya meneruskan dengan soalan selanjutnya.
- Teliti semula soalan bermasalah selepas selesai menjawab soalan-soalan lain.
- Soalan KBAT dalam Bahagian A semakin banyak dan diuji pada setiap soalan dan semakin banyak dalam pecahan soalan b) dan c).
- Jawab soalan KBAT dengan relevan dan munasabah. Berani berikan apa sahaja idea yang dirasakan sesuai
- Risiko tidak menjawab soalan KBAT , akan menjejaskan keseluruhan markah dan kemungkinan sifar markahnya

13. Tanda pengenalan soalan KBAT:

- Pada pendapat /pandangan anda, berdasarkan pengetahuan sejarah anda, kesan, cadangkan , berika alasan, ulaskan, kepetningan , ikitbar, nilai murni , patriotism, sebagai pimpin /rakyat

- Kebarangkalian untuk mendapat markah dalam soalan KBAT tetap ada selagi calon menulis jawapan KBAT, dan pasti 0 jika tidak menjawabnya.
14. INGAT! Masa cadangan untuk menjawab soalan BAHAGIAN A adalah 1jam. 1 soalan 15 minit. Perlu jawab 4 soalan . Urus masa menjawab dengan baik.
15. BAHAGIAN B ( Esei)
- Calon perlu menguasai dan memahami keseluruhan sukatan pelajaran Tingkatan 4&5.
- Memahami istilah-istilah dan konsep penting dengan merujuk Sudut Tahukah anda/ Sudut maklumat dalam buku teks
  - Jawapan mestilah dalam bentuk esei ,
  - **JANGAN cerita, jadual , graf , lukisan , point dsb( akan ditolak 50%)**
16. Jawapan esei adalah terperinci iaitu ada fakta, huraian fakta serta contoh jika ada
- Esei mesti ayat lengkap = ada SUBJEK + PREDIKAT
  - Fakta mesti disokong dengan huraian fakta serta contoh jika ada.
  - Dalam sesetengah kes mungkin ditolak 50% jika fakta tiada sokongan huraian.
17. Sebaik-baiknya esei berperenggan iaitu 1 perenggan merangkumi 1 fakta dan huraian serta contoh.
- Esei tiada pengenalan dan penutup
  - 1 fakta =1 markah, 1 huraian =1 markah contoh =1markah
  - Tahun tidak penting
  - Boleh menggunakan kata singkatan yang dikenali AMDA,
  - Ejaan tidak dipentingkan tetapi mestilah kemas dan teratur dan boleh dibaca oleh pemeriksa. Tulis nombor soalan dan sub soalan juga.
18. Soalan KBAT dalam BAHAGIAN B disusun dalam pecahan b) dan c)
- Trend peruntukan markah soalan esei , lazimnya a) 4 markah, b) 8 Markah c) 8 Markah, bermaksud pemberatan markah KBAT lebih banyak daripada markah fakta
  - Jawab soalan kBAT dengan relevan dan munasabah .Berani berikan apa sahaja idea walaupun anda rasa idea itu tidak hebat
19. Tanda Pengenalan soalan KBAT
- Pada pandangan anda/ pendpaat anda. Berdasarkan pengetahuans sejarah anda, kesan, cadangan, ramalakan , nilaikan kebaikan/manfaatnya, iktibar, nilai murni , patriotisme, andaian sebagai pemimpin.....dan lain-lain.
  - Kebarangkalian untuk mendapat markah dalam soalan KBAT tetap ada selagi calon menulis jawapan KBAT dan pasti 0 jika tidak menjawab soalan.
20. CIRI\_CIRI Kertas 3
- Berbentuk tugas
  - Tema/tajuk diebrikan kepada calon 6 minggu sebelum peperiksaan SPM bertulis
  - Calon perlu melaksanakan tugas umum iaitu mencari dan mengkaji maklumat dari pelbagai sumber berdasarkan tema/tajuk
  - Pada hari peperiksaan , soalan akan diberikan dan calon dikehendaki menjawab soalan tersebut berdasarkan panduan yang diebrikan bersama soaln ( tugas spesifik)
  - Calon dibenarkan membawa dan merujuk segala bahan/maklumat /dapatan kajian.
21. Kemahiran konsrtuk yang diuji dalam Sejarah kertas 3 adalah berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT) atau High Order Thinking Skill ( HOTS) iaitu pemahaman, analisis, aplikasi, menilai , menjana idea dan nilai-nilai murni/patriotism. Tindakan calon selepas tema/tajuk dikelaurkan oleh LPM.

22. Membuat rujukan berdasarkan tema
- Dalam Sejarah kertas 3 , jawapan pecahan soalan pertama sehingga ketiga biasanya boleh didapati secara terus dalam buku teks iaitu Pecahan soalan 1 : PENGENALAN
  - Cadangan bahan rujukan : Buku teks SEjarah Tingkatan 4/5
  - Lazimnya peruntukkan 5 Markah
  - Jangan tulis jawapan soalan 1 panjang lebar, atau berjela-jela sehingga menjejaskan masa jawaan bagi pecahan soalan lain.
23. Pecahan soalan kedua No 2 : MEMAHAMI ( cadangan bahan rujukan BUKU teks Sejarah Ting 4/5
- Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini adalah 20 atau 30 markah
  - Soalan menguji kefahaman kita dalam tema/tajuk yang dikaji. Pengujiannya berbentuk proses pembentukan / ciri-ciri / aspek –aspek/ factor-faktor
  - Kadang-kala terdapat dua pecahan soalan i) dan ii)
24. Pecahan soalan ketiga : MENGANALISIS { Cadangan bahan rujukan :Buku teks Sejarah Tingkatan 4/5
- Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini adalah 15 markah. Soalan mungkin berbentuk sumbangan/ciri-ciri./kesan-kesan
25. Pecahan soalan keempat : MENGAPLIKASI (cadangan bahan rujukan Buku Teks Sejarah Ting 4/5/ surat khabar/majalah /
- Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini adalah 10/15 markah
  - Calon perlu kaitkan isi fakta dalam buku teks dengan zaman kini.
26. Pecahan soalan kelima No5 : MENILAI ( Cadangan bahan rujukan : artikel dalam surat khabar/buku rujukan/ jurnal, majalah pendidikan, capaian internet)
- Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini adalah 10 markah
  - Ia menguji kemahiran menilai calon iaitu pemerhatian/kepekaan dan keperhatianan calon.
  - Calon perlu menguasai isu-isu semasa dengan membuat rujukan seperti yang saya cadangkan di atas.
27. Pecahan soalan keenam , no6 : MENJANA IDEA( cadangan bahan rujukan artikel dalam surat khabar, buku rujukan , jurnal , majalah pendidikan , capaian internet....
- Calon perlu menguasai isu-isu semasa dengan membuat rujukan seperti yang saya cadangkan di atas.
28. Pecahan soalan ketujuh, No 7 : NILAI\_NILAI MURNI/UNSUR PATRIOTISME
- Cadangan rujukan bahan artikel/capaian internet/majalah pendidikan
  - Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini adalah 10 markah/ 5 markah
  - Calon boleh membuat rujukan melalui laman blog atau berbincang dengan guru sejarah anda
  - Ianya soalan berbentuk KBKK/KBAT , biasakan dengan istilah nilai, sikap dan semangat positif
29. Pecahan soalan kelapan No8: MERUMUS( Cadangan bahan rujukan : Buku Teks Sejarah Ting 4/5
- Peruntukan markah bagi pecahan soalan ini ialah 5 markah yang mana calon perlu merumus isi yang telah calon bincangkan
  - Sebagai kemudahan calon, calon boleh rujuk bahagian rumus di akhir setiap bab dalam buku teks sebagai model jawapan.
30. Bawa semua bahan rujukan ke dalam dewan peperiksaan semasa hari peperiksaan.
- Jawapan perlu ditulis mengikut pecahan soalan berdasarkan panduan yang diberikan bersama-sama soalan.
  - Sebaik-baiknya buat pecahan perenggan bagi setiap pecahan soalan
  - Mesti tulis no soalan , tidak perlu salin soalan .

**BAHAGIAN A**

**[ 40 markah]**

Jawab **semua** soalan

1. Peningkatan ekonomi membawa kepada peningkatan peradaban manusia dalam Tamadun Yunani, India dan China

(a) Nyatakan dua barang dagangan tamadun India yang mendapat pasaran luas dalam perdagangan antarabangsa

(i).....

(ii).....

[ 2 markah]

(b) Jelaskan faktor yang membantu kepesatan aktiviti perdagangan dalam tamadun India sejak abad ketiga sebelum masihi

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(c) Jelaskan kebaikan persatuan-persatuan ekonomi dalam kemajuan ekonomi negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2. Kerajaan berikut merupakan pusat pendidikan Islam di Asia Tenggara.

- Samudera-Pasai
- Aceh
- Melaka
- Pattani

(a) Nyatakan dua institusi pendidikan formal secara formal di Asia Tenggara setelah kedatangan Islam.

i) .....

ii).....

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan perubahan kepada bidang pendidikan dengan kedatangan Islam di Asia Tenggara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

(c) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

- 3.(a) Akhbar, majalah dan novel telah memainkan peranan penting dalam melahirkan semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua.

Nyatakan contoh akhbar di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

i) .....

ii) .....

[2 markah]

- (b) Sekiranya anda penulis dalam akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920-an, apakah isu-isu yang akan anda sampaikan bagi melahirkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu ?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- (c) Mengapakah akhbar menjadi pilihan nasionalis untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan ?

.....  
.....  
.....

[4 markah]

4. Gagasan pembentukan Rukun Negara merupakan merupakan kesan daripada Peristiwa 13 Mei 1969.

(a) Apakah matlamat Rukun Negara?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah kepercayaan kepada Tuhan menjadi prinsip pertama Rukun Negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 mark

(c) Prinsip kelima menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila.

Huraikan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah]

## BAHAGIAN B


[60 Markah]

Jawab *tiga* soalan sahaja

5. Pada sekitar tahun 3500 S.M. wilayah Mesopotamia telah berkembang menjadi pusat tamadun awal.
- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang pembentukan Tamadun Mesopotamia. [4 markah ]
- (b) Sejauh manakah Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia? [ 8 markah ]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah Tamadun Mesopotamia mampu menjadi terawal dunia? [ 8 markah ]
6. Perjanjian Hudaibiyah antara pihak Islam dengan Arab Quraisy di Hudaibiyah termeterai pada tahun 628 M bersamaan 6H
- (a) Jelaskan peristiwa-peristiwa yang membawa termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. [ 4 markah ]
- (b) Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan syiar Islam. [ 6 markah ]
- (c) Maklumat berikut berkaitan isi Perjanjian Hudaibiyah yang ketiga dan ke empat.
- Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan
  - Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa penjaganya perlu dipulangkan semula
- Berdasarkan isi perjanjian tersebut kelihatan menguntungkan orang Arab Quraisy tetapi Nabi Muhammad SAW yakin Islam akan memperoleh keuntungan dari segi jangka panjang.
- Berikan penjelasan anda. [ 6 markah ]
- (d) Kandungan Perjanjian Hudaibiyah menggambarkan kebijaksanaan Nabi Muhamamd saw. Buktikan [ 4 markah ]

- 7 Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun-tamadun lain sejak zaman awal Islam lagi
- (a) Terangkan cara-cara pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain di dunia. [ 4 markah ]
- (b) Huraikan sumbangan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun dunia yang lain. [ 8 markah ]
- (c) Pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain telah membawa kegemilangan bidang intelektual Islam. Beri ulasan anda. [ 8 markah ]
8. Imperialisme bermaksud penguasaan negara yang lebih kuat terhadap negara yang lemah untuk tujuan tertentu.
- (a) Jelaskan faktor-faktor yang mendorong kedatangan imperialis Barat ke Asia Tenggara. [ 4 markah ]
- (b) Bincangkan kesan-kesan imperialisme Barat di Asia Tenggara. [ 4 markah ]
- (c) i. Malaysia menghadapi pelbagai cabaran menjadi sebuah negara yang kuat untuk bersaing di pentas dunia. Jelaskan cabaran-cabaran tersebut. [ 6 markah ]
- ii. Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut. [ 6 markah ]
9. Dalam usaha menangani tuntutan kemerdekaan, pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil langkah yang bijak dan berkesan apabila mengadakan pakatan murni
- (a) Jelaskan maksud Pakatan Murni. [4 markah]
- (b) Nyatakan usaha yang dijalankan ke arah mewujudkan Pakatan Murni sebelum penubuhan Parti Perikatan. [8 markah]
- (c) Pakatan Murni penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Berikan penjelasan anda. [8 markah]

10. Rajah berikut merujuk kepada sistem kerajaan Persekutuan di Malaysia



- (a) Terangkan proses meluluskan undang-undang di Parlimen. [ 6 markah ]
- (b) Apakah peranan badan Kehakiman. [ 6 markah ]
- (c) Kecekapan sistem pemerintahan menjamin kemajuan sesebuah negara bangsa. Jelaskan pernyataan berikut. [ 8 markah ]

11. Jadual berikut menunjukkan perkembangan dasar luar Malaysia bermula dari tahun 1957 hingga tahun 2003.

Tempoh Masa	Pemimpin
Tahap Pertama (1957-1970)	Tunku Abdul Rahman
Tahap Kedua (1971-1981)	Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn
Tahap Ketiga ( 1982 -2003)	Dato Seri Dr Mahathir Mohamad

- (a) Mengapakah Tunku Abdul Rahman mengamalkan Dasar Luar Malaysia Tahap Pertama berkenaan? [ 6 markah ]
- (b) Jelaskan kewajaran Malaysia berubah dasar luar pada tahap kedua ( 1976-1981 ) ? [ 6 markah ]
- (c) Huraikan usaha-usaha yang telah diambil oleh Malaysia dalam menjaga kepentingan ekonomi melalui dasar luarnya pada tahap ketiga. [8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**CONTOH SEJARAH KERTAS 1249/3 SPM**

## FOKUS SEJARAH SPM 2019

<b>BAB</b>	<b>TINGKATAN 4</b>	<b>BAB</b>	<b>TINGKATAN 5</b>
BAB 1	Mesopotamia/Mesir/Indus/ Hwang Ho	BAB 1	- Kemunculan Nasionalisme -Nasionalisme Thai/ Indonesia
BAB 2	Undang-Undang ROM Pendidikan Yunani Seni Bina China (Peperiksaan Awam)	BAB 2	-Faktor Perkembangan Nasionalisme -Persatuan Melayu -Dol Said-Mengapa Menentang -Kronologi - Kesan -Gerakan Islah
BAB 3	Agraria Pengaruh Hindu Buddha Sistem Pemerintahan Dan Pentadbiran	BAB 3	- 4 Ciri Negara/Bangsa/Kerajaan / Perlembagaan - Demokrasi Negeri 9 - Sistem Jemaah Menteri
BAB 4	Jahiliah Penyebaran Islam	BAB 4	- PTM 1948
BAB 5	Peperangan Islam Hudaibiyah Aqabah	BAB 5	-Rombongan London -Suruhanjaya Reid
BAB 6	Kerajaan Umayyah Kerajaan Abbasiyah Turki Uthmaniyah	BAB 6	-Ganyang Malaysia ( Konfrontasi) -Suruhanjaya Cobbold -Reaksi Pembentukan Malaysia
BAB 7	Teori Kedatangan Islam Cara Penyebaran Islam	BAB 7	<b>-RAJA BERPERLEMBAGAAN</b> -Pilihanraya -Jalur Gemilang -Jata Negara
BAB 8	Pendidikan Tidak Formal / Formal Melaka Sebagai Pusat Perdagangan	BAB 8	-Sukan Untuk Perpaduan -Sukma -Wawasan 2020 -Dasar Penswastaaan -Rukun Negara
BAB 9	<b>Zaman Gelap</b> Renaissance Reformation Revolusi Pertanian/ Perindustrian	BAB 9	-Perang Dunia -Perang Dingin ( Blok Dunia) -K-Ekonomi -Oic -Dasar Luar Malaysia
BAB 10	Undang-Undang Tanah Buruh Luar / Masyarakat Majmuk Perlombongan Bijih Timah		

1.	Peningkatan ekonomi membawa kepada peningkatan peradaban manusia dalam Tamadun Yunani, India dan China
<b>(a)</b>	<b>Nyatakan dua barang dagangan tamadun India yang mendapat pasaran luas dalam perdagangan antarabangsa (2 markah)</b>
F1	senjata
F2	gading gajah
F3	emas
F5	berlian
F6	mutiara
F7	tekstil
F8	kain sutera
F9	kain kapas
F10	batu permata
<b>(b)</b>	<b>Jelaskan faktor yang membantu kepesatan aktiviti perdagangan dalam tamadun India sejak abad ketiga sebelum masihi (4 markah)</b>
F1	kedudukan strategik
H1a	Maurya membuat hubungan dengan Macedonia/Sri Lanka
F2	pelabuhan menghubungkan India dengan negara luar
H2a	Tamralipti/Kadura/Cambay
F3	Pusat Perdagangan
H3a	Anga/Kalinga/Karusa
F4	Persatuan Perdagangan (stresthin)
H4a	mengawal harga barang/kualiti barang/gaji pekerja
H4b	persatuan tukang kayu/tukang logam/tukang kulit
F5	Dasar kewangan yang sistematik
H5a	penggunaan mata wang emas sebagai medium jual beli
F6	Barang dagangan
H6a	senjata/gading gajah/emas/berlian/mutiara
F7	perkembangan sektor perusahaan
H7a	barangan emas/mutiara/batu permata
<b>(c)</b>	<b>Jelaskan kebaikan persatuan-persatuan ekonomi dalam kemajuan ekonomi negara (4 markah)</b>

F1	mengawal harga barang
H1a	untuk mengelak inflasi
F2	mengawal kualiti barang
H2a	supaya kualiti/mutu barangan bersesuaian dengan harga yang ditetapkan
F3	mengawal gaji pekerja
H3a	menjaga kebajikan pekerja
H3b	mengelak peindasan
F4	menyatupadukan ahli persatuan
F5	melindungi pengguna
H5a	memastikan proses jual beli yang adil
H5b	mengelak penipuan
H5c	memastikan peniaga tidak mengaut keuntungan yang berlebihan

2a)	<p>Nyatakan dua institusi pendidikan formal secara formal di Asia Tenggara setelah kedatangan Islam</p> <p>F1 Istana F2 Pondok/Pesentren/dayah F3 Madrasah F4 Surau F5 Masjid</p> <p style="text-align: right;"><b>[ Mana-mana 2x1m]</b></p>	<p>1 1 1 1 1</p> <p>[2 markah]</p>
2b)	<p>Jelaskan perubahan kepada bidang pendidikan dengan kedatangan Islam di Asia Tenggara</p> <p>F1 Meluaskan peluang pendidikan kepada semua golongan masyarakat F2 Menanam sikap terhadap kepentingan ilmu dalam jiwa masyarakat F3 Menjadi titik tolak kepada perkembangan pendidikan F4 Kewujudan institusi pendidikan formal di Asia Tenggara F5 Peluang pendidikan tidak lagi hanya kepada golongan bangsawan atasan/golongan bangsawan F6 Menggalakkan pelajar mendalami pengetahuan ilmu Islam dalam negeri</p> <p style="text-align: right;"><b>[ Mana-mana 4x1m]</b></p>	<p>1  1  1 1 1 1</p> <p>[4 markah]</p>
2c)	<p>Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dimbil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu?</p> <p>F1 Menggalakkan kegiatan penterjemahan F2 Menterjemahkan karya asing contoh teks penulisan para cendekiawan F3 Memajukan pendidikan bertaraf dunia contohnya prasarana F4 Meningkatkan kualiti pendidikan setandingn negara maju/antarabangsa F5 Melahirkan tokoh pemikir intelektual dalam pelbagai bidang ilmu F6 Memajukan kegiatan penyelidikan F7 Perkembangan ilm pengetahuan dengan melahirkan tokoh</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1</p>

	terkemuka contohnya astronomi/perubatan/bahasa F8 meningkatkan jumlah pelajar ke luar negara sebagai pusat ilmu [ Mana-mana jawaapan munasabah ] Man-mana 4x1m]	1 1 [4markah]
3a)	Nyatakan contoh akhbar di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.	
F1	Warta Malaya	1
F2	Utusan Melayu	1
F3	Lembaga Malaya	1
F4	Majlis	1
F5	Warta Negara	1
F6	Fajar Sarawak	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2markah]
3b)	Sekiranya anda penulis dalam akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920-an, apakah isu-isu yang akan anda sampaikan bagi melahirkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu	
F1	Isu sosial /pendidikan	1
F2	memajukan pendidikan tinggi orang Melayu	1
F3	Memajukan pendidikan untuk anak perempuan	1
F4	Meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja dan tidak mahu berusaha	1
F5	Menggalakkan tabungna di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak	1
F6	Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan	1
F7	Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu	1
F8	Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai Ekonomi	1
F9	Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British	1
F10	Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam	1
F11	Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu	1
F12	Isu ekonomi	1
F13	menyeru orang Melayu berjimat cermat	1
F14	menggalakkan perniagaan dalam kalangan orang Melayu	1
F15	menggalakkan syarikat kerjasama	1
F16	meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana hal ini mengancam ekonomi tempatan	1
F17	melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka	1
F18	meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur	1
F19	Isu politik	1
F20	mengkritik British kerana kurangkan kuasa raja Melayu	1
F21	menolak pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan	1
F22	mengkritik para pembesar dan rja-raja Melayu tidak melaksanakan kepemimpinan yang sewajarnya untuk rakyat	1
F23	menuntut Malay Administrative Service (MAS) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan	1
F24	menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu bersatu dalam	1

F23	sebuah pertubuhan kebangsaan	1
F24	menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan [Mana- mana jawapan munasabah]	1
F25	[Mana-mana 4 x 1 m]	1
		1
		[4markah]
3c)	Mengapakah akhbar menjadi pilihan nasionalis untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan	
F1	Murah	1
F2	Mudah diperolehi	1
F3	Luas penyebarannya	1
F4	Menyatukan rakyat	1
F5	Memberi maklumat terkini	1
F6	Menanamkan semangat nasionalisme	1
F7	Menyebarkan idea nasionalisme	1
	[Mana- mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 x 1 m]	[4 markah]

Soalan	Perincian	Markah
4(a)	F1 Mengukuhkan perpaduan	1
	F2 Memelihara corak hidup demokratik	1
	F3 Mencipta sebuah masyarakat yang adil	1
	F4 Menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang Pelbagai	1
	F5 Membina masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi.	1
		[2m]
4(b)	F1 Agama merupakan pegangan utama rakyat Malaysia	1
	F2 Rakyat beragama mudah diurus menjadi warganegara yang baik / bertanggungjawab	1
	F3 Perlembagaan Malaysia 1963 menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi	1
	F4 Agama lain bebas diamalkan	1
	F5 Wujud perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain	1
	F6 Keamanan negara berterusan	1

	F7	Rakyat hidup bersatu padu  (Mana-mana jawapan munasabah)	1  [4m]
4(c)	F1	Merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu	1
	F2	Menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni	1
	F3	Menjamin masyarakat yang penyayang	1
	F4	Mewujudkan masyarakat saling hormat-menghormati	1
	F5	Mewujudkan keamanan negara	1
	F6	Meningkatkan imej negara	1
	F7	Dunia luar akan menghormati rakyat Malaysia.  (Mana-mana jawapan munasabah)	1  [4m]

BAHAGIAN B – ESEI

5a)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang pembentukan Tamadun Mesopotamia.		
	F1	Pembentukan terbahagi kepada dua bahagian	1
	F2	Bahagian utara bandar Baghdad	1
	F3	Bahagian selatan bandar Baghdad	1
	F4	Bahagian utara bandar Baghdad meliputi kawasan pertengahan Sungai Tigris hingga utara termasuk kawasan Assyria	1
	F5	Bahagian Selatan merangkumi kawasan sungai Tigris dan Sungai Euphrates	1
	F6	Pembentukan tamadun Sumeria bermula di Sumer	1
	F7	Orang Sumeria membina petempatan	1
	F8	Menjalankan aktiviti pertanian dengan membina sistem pengairan	1
	F9	Perkembangan aktiviti pertanian menghasilkan makanan untuk menampung keperluan penduduk	1
	F10	Petempatan awal berbentuk perkampungan	1
	F11	Perkembangan kampung membawa kepada kemunculan bandar/negara kota	1
	F12	Negara kota terletak di sepanjang sungai dan terusan <b>[Mana-maan 4x1M]</b>	1  [4markah]
5b)	Sejauh manakah Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia?		
	F1	<b>Perkembangan ilmu perubatan</b>	1
	H1a	mementingkan kesihatan anggota tentera	1
	H1b	menghasilkan 500 jenis ubat-ubatan	1
	H1c	Katalog ubat-ubatan/cara membuat ubat-ubatan/rekod perubatan dan disampelkan	1
	H1d	Menyediakan panduan kepada pengamal perubatan	1

<b>F2</b>	<b>Kod Undang-undang Hammurabi</b>	
H2a	Undang-undang yang berteraskan hak rakyat terhadap keadilan	1 1
H2b	Hukuman dan denda setimpal dengan kesalahan	1
H2c	Hukuman dan denda berbeza mengikut susun lapis masyarakat	1
H2d	Mengandungi 282 undang-undang	1
<b>F3</b>	<b>Perkembangan sistem pendidikan</b>	
H3a	Kesan daripada kewujudan sistem tulisan	1
H3b	Bertujuan melahirkan jurutulis	1
H3c	Jurutulis merekod urusan pentadbiran dan perniagaan	1 1
<b>F4</b>	<b>Melahirkan sistem tulisan</b>	
H4a	Menghasilkan bidang tradisi kesusasteraan	1
H4b	Menghasilkan epik Gilgamesh	1 1
<b>F5</b>	<b>Perkembangan ilmu pengetahuan</b>	
H5a	ilmu astronomi	1
H5b	pencerapan terhadap pergerakan bulan/bintang/matahari	1
H5c	menggunakan jalan laut	1
H5d	Mencipta kalender berasaskan sistem solar	1
H5c	12 bulan dalam setahun	1 1
<b>F6</b>	<b>Perkembangan ilmu matematik</b>	
H6a	sistem mengira perpuluhan	
H6b	menambah/menolak/mendarab/ membahagi/ punca ganda dua	1
H6c	perkembangan ilmu geometri	1 1
<b>F7</b>	<b>Penciptaan roda</b>	
H7a	digunakan utk menghasilkan kereta kuda	1
H7b	tujuan peperangan /kegunaan pada masa aman	1 1
<b>F8</b>	<b>Mencipta kincir air</b>	
H8a	mengalirkan air ke kawasan tandus	1
H8b	Meningkatkan hasil pertanian	1
H8c	Mengawal banjir	1 1
<b>F9</b>	<b>Penciptaan alat pengangkutan terawal di dunia</b>	
H9a	menggunakan kapal layar dan pengangkutan beroda	
H9b	Menguasai jalan laut dan jalan darat	1
H9c	Dapat berhubung dengan wilayah India dan kawasa Laut Mediterraeen	1 1
<b>F10</b>	<b>Memperkenalkan cara membuat batu bata</b>	
H10a	Daripada tanah liat	1
<b>F11</b>	<b>Mencipta arca dan tiang batu</b>	
H11a	contoh Patung Raja Gudea	1
H11b	Arca dan tiang batu dipahat pada seni bina zigurat	1

	<p><b>F12 Membina perpustakaan diraja</b> H12a Mengandungi 22,000 keping tablet penemuan ilmu /sejarah lampau</p> <p><b>F13 Membentuk empayar dunia pertama</b> H13a Sumbangan Raja Sargon H13b Menajdi ikutan pemerintah Mesir Purba</p> <p style="text-align: right;"><b>[ Mana-mana 8x1M]</b></p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[8 markah]</p>
5c)	<p>Pada pendapat anda, mengapakah Tamadun Mesopotamia mampu menjadi terawal dunia?</p> <p>F1 Kebolehan pemimpin membentuk bandar/ pusat pentadbiran F2 Kesetiaan rakyat terhadap pemimpin F3 Kemahiran matematik/geometri/astronomi untuk memajukan kerajaan F4 Kebijaksanaan raja menggubal undang-undang, iaitu Kod Undang-Undang Hammurabi F5 Sifat kreatif masyarakat dalam bidang pembinaan/ membina ziggurat/roda/Taman Tergantung Babylon F6 Masyarakat berjaya mencipta sistem tulisan yang ditulis pada tanah liat F7 Kebijaksanaan masyarakat menyesuaikan diri dengan alam F8 Perpaduan rakyat F9 Kestabilan rakyat F10 Penduduk mengeksploitasi Sungai Tigris/Euprates</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8x1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[8markah]</p>
6a)	<p>Jelaskan peristiwa-peristiwa yang membawa termeterainya Perjanjian Hudaibiyah.</p> <p>F1 Pada tahun 628 M , rombongan orang Islam telah ke Makkah kerana ingin menunaikan umrah F2 Mereka telah disekat di Hudaibiyah, F3 Nabi Muhammad saw menghantar Uthman bin Affan ke Makkah untuk menerangkan tujuan kedatangan mereka F4 Orang Islam yang mendengar khabar angin tentang kematian Uthaman F5 Orang Islam telah bersumpah setia, yang dikenal dengan "Baiahal-Ridwan" F6 Orang Arab Quraisy berasa bimbang terhadap kata sepakat orang Islam. F7 Hal ini menyebabkan mereka menemui Nabi Muhammad saw F8 Baginda bersedia mengadakan perjanjian dan termeterailah Perjanjian Hudaibiyah antara Nabi Muhammad saw (Islam) dengan Suhail bin Amru ( Quraisy)</p> <p style="text-align: right;">[ Mana-mana 4x1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[4 markah]</p>

6b)	<p>Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan syiar Islam</p> <p>F1 Peluang menunaikan ibadat haji 1</p> <p>H1a Orang Islam berpeluang bagi menunaikan haji pada tahun berikut 629M 1</p> <p>F2 Memberi kebebasan kepada orang Islam 1</p> <p>H2 Untuk memasuki kota Makkah dan melakukan ibadat di Kaabah pada bila-bila masa 1</p> <p>F3 Dakwah Islam semakin tersebar 1</p> <p>H3a Nabi Muhammad saw dapat merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semananjung Tanah Arab secara aman 1</p> <p>H3b bilangan penganut umat Islam bertamabah 1</p> <p>F4 Pengislaman tokoh-tokoh penting Quraisy 1</p> <p>C4a Seperti Khalid al Walid, Amir bin Al-As dan Uthaman bin Thalhaf menjadi ikutan kepada orang Quraisy yang lain 1</p> <p>F5 Ketokohan /kebijaksanaan unggul Nabi Muhammad saw 1</p> <p>H5a Melambangkan ketokohan unggul Nabi Muhammad saw sebagai pemimpin yang amat dikagumi 1</p> <p>H5b Baginda bukan sahaja bijak malah merupakan pemimpin yang mempunyai wawasan dan berpandangan jauh 1</p> <p>F6 Negara Islam Medinah diktiraf dan makin kukuh 1</p> <p>H6 Perjanjian ini menunjukkan orang Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam di Madinah 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah ] [ Mana-mana 6x1m]</p>	<p style="text-align: right;">[6markah]</p>
6c)	<p>Berdasarkan isi perjanjian tersebut kelihatan menguntungkan orang Arab Quraisy tetapi Nabi Muhammad SAW yakin Islam akan memperoleh keuntungan dari segi jangka panjang. Berikan penjelasan anda.</p> <p>F1 Orang Islam berpeluang mengerjakan haji pada tahun berikutnya 1</p> <p>F2 Memberi kebebasan kepada orang Islam memasuki Makkah 1</p> <p>F3 Orang Islam bebas beribadat di Kaabah 1</p> <p>F4 Membolehkan Nabi Muhammad saw berdakwah secara aman 1</p> <p>F5 Suku Arab bebas menganut sebarang agama 1</p> <p>F6 Islam dapat berkembang secara meluas 1</p> <p>F7 Bilangan penduduk Islam berganda 1</p> <p>F8 Islam tersebar dengan aman 1</p> <p style="text-align: right;">[ Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 6x1m]</p>	<p style="text-align: right;">[6markah]</p>
6d)	<p>Kandungan Perjanjian Hudaibiyah menggambarkan kebijaksanaan Nabi Muhamamd saw. Buktikan</p> <p>F1 Mengutamakan keamanan 1</p> <p>F2 Kebijaksanaan dalam kepimpinan 1</p> <p>F3 Permuafakatan dalam membuat keputusan/musyawahah 1</p> <p>F4 Sentiasa mengutamakan sifat pemaaf 1</p> <p>F5 Bertoleransi dalam kalangan masyarakat 1</p> <p>F6 Menggunakan kebijaksanaan dalam menyelesaikan sesuatu perkara 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah] {Mana-mana 4x1M}</p>	<p style="text-align: right;">[4 markah]</p>



	<p>F5 Perkembangan sains dan teknologi</p> <p>F6 Budaya tempatan dipengaruhi oleh budaya asing</p> <p>F7 Kemajuan dalam bidang pertanian</p> <p>F8 Hubungan diplomatik diperkukuh</p> <p style="text-align: right;">[ Mana-mana jawapan munasabah] [ mana-mana 6x1m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	[ 6 markah]
8a)	<p>Jelaskan faktor-faktor yang mendorong kedatangan imperialis Barat ke Asia Tenggara</p> <p>F1 Revolusi Perindustrian</p> <p>F2 Mendapatkan bahan mentah dengan banyak dan berterusan</p> <p>F3 Mendapatkan pasaran barang perindustrian mereka</p> <p>F4 Kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan</p> <p>F6 Memudahkan perhubungan</p> <p>F7 Mempercepatkan perjalanan</p> <p>F8 Amerika Syarikat memperkenalkan taraf untuk melidungi barangannya</p> <p>F9 Britain mencari pasaran baru di Asia Tenggara</p> <p>F10 Tanggungjawab menyebarkan tamadun di luar Eropah</p> <p>F11 The White Man's Burden( Inggeris ) / Mission civilisatrice(Perancis)</p> <p>F12 Menyebarkan agama Kristian</p> <p>F13 Persaingan untuk menunjukkan kekuasaan /kekuatan</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4x1M]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	[4markah]
8b)	<p>Bincangkan kesan-kesan imperialisme Barat di Asia Tenggara</p> <p>F1 Pemerintah tempatan telah terpaksa menerima penasihat dan pentadbir Barat</p> <p>F2 Sistem politik , perundangan peribumi telah diubahsuai menyerupai Barat</p> <p>F3 Kuasa Barat campur tangan di Asia</p> <p>C3a Inggeris di Tanah Melayu/ Belanda di Indonesia/ Perancis di Indo China</p> <p>F4 Ekonomi peribumi distruktur semula</p> <p>H4a agar memberi manfaat kepada ekonomi metropolitan</p> <p>H4b untuk keperluan industri Barat di Tanah Melayu perlombongan bijih timah dan penanaman getah dikomersialkan</p> <p>F5 Sistem pendidikan Inggeris diperkenalkan</p> <p>H5a Hanya tertumpu di kawasan bandar</p> <p>H5b dikhusus kepada golongan pentadbir rendah bagi keperluan pentadbiran British sahaja</p> <p>F6 Kemasukan buruh asing untuk bekerja di sektor perladangan dan perlombongan</p> <p>F7 Berlaku perubahan demografi dan komposisi etnik</p> <p>F8 Menyukarkan perpaduan kaum</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah] [ Mana-mana 8x1m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	[ 8 markah]
8c)i)	<p>Malaysia menghadapi pelbagai cabaran menjadi sebuah negara yang kuat untuk bersaing di pentas dunia.</p> <p>Jelaskan cabaran-cabaran tersebut</p> <p>F1 Demostrasi jalanan yang kerap berlaku</p>	<p>1</p>	





(C)	<p><b>Pakatan Murni penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Berikan penjelasan anda.</b></p> <p>H1 Tuntutan agama yang menekankan unsur kerjasama. 1</p> <p>H2 Mewujudkan keharmonian masyarakat 1</p> <p>H3 Mengelakkan pertelingkahan/persengketaan 1</p> <p>H4 Memudahkan penyelesaian masalah yang melibatkan kaum 1</p> <p>H5 Menjana kestabilan politik 1</p> <p>H6 Memupuk perpaduan kaum 1</p> <p>H7 Menjamin keamanan negara 1</p> <p>H8 Menghakis sikap mementingkan diri sendiri 1</p> <p>H9 Menjamin kebajikan pelbagai kaum 1</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;"><b>[Mana-mana 8 x 1m = 8 markah]</b></p>	1	
Soalan	Kod	Butiran	Markah
10(a)	F1	Cadangan oleh Kementerian	1
	F2	Penggubalan oleh Peguam Negara	1
	F3	Bacaan pertama di Dewan Rakyat	1
	F4	Bacaan kedua dan dibahaskan	1
	F5	Perbincangan dan perincian rang undang-undang	1
	F6	Bacaan ketiga dan diserahkan kepada Dewan Negara	1
	F7	Proses yang sama diulangi di Dewan Negara	1
	F8	Penyerahan kepada YDPA untuk mendapatkan cap mohor	1
	F9	Diwartakan didalam warta kerajaan	1
10(b)	F1	Badan yang mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil	1
	F2	Menentukan kesahihan undang-undang	1
	F3	Mentafsirkan perlembagaan	1
	F4	Mengisytiharkan undang-undang bertulis kerajaan pusat dan negeri	1
	F5	Mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah disisi undang-undang	1
	F6	Mahkamah tidak mempunyai kuasa meminda undang-undang	1
	F7	Sistem mahkamah di Malaysia disusun mengikut sistem hieraki	1

	F8	Hakim tidak dibenarkan melibatkan diri dalam politik	1
10(c )	F1	Memilih pemimpin yang berwibawa melalui proses pilihan raya	1
	F2	Mengamalkan system demokrasi	1
	F3	Melaksanakan pengagihan kuasa yang telus antara kerajaan pusat dan negeri	1
	F4	Melahirkan pegawai yang berintegriti	1
	F5	Membina perkhidmatan yang cekap	1
	F6	Perkhidmatan yang mesra pelanggan	1
	F7	Membanteras rasuah	1
	F8	Pegawai kerajaan megamalkan nilai-nilai murni	1
	F9	Berbelanja secara berhemah /menjimatkan kos	1
	F10	Penggunaan perkhidmatan yang luas	1
	F11	Memerintah berlandaskan Al-quran /Agama	1
	F12	Pemimpin tidak mengamalkan hidup mewah	1
	F13	Penggunaan e-perkhidmatan secara meluas	1
	F14	Mengurangkan karenah birokrasi	1
	F15	Penyampaian maklumat yang lebih mudah melalui pelbagai sumber	1
		Mana-mana munasabah	
		(Mana-mana 6X1m)	

Soalan	Perincian Jawapan	Markah
11 (a)	<p>Mengapakah Tunku Abdul Rahman mengamalkan Dasar Luar Malaysia tahap pertama berkenaan ?</p> <p>F1 Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga di dalam negara melalui Parti Komunis Malaya.</p> <p>F2 Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand.</p> <p>F3 Bagi menyekat perkembangan pengaruh komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu (AMDA) pada tahun 1956 dengan British.</p> <p>F4 Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara</p> <p>F5 Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain kerana Malaysia dalam menjaga kepentingan ekonomi negara ini.</p> <p>F6 Malaysia merupakan anggota blok sterling</p>	<p>6m</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
(b)	<p>Jelaskan kewajaran Malaysia berubah dasar luar pada tahap kedua ( 1976-1981 )</p> <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad</p> <p>Jawapan secara umum</p> <p>Contoh :</p> <p>Mengekalkan kestabilan politik ,negara dan serantau.</p> <p>Aras 2</p> <p>Jawapan agak mendalam/berkembang</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman agak mendalam</p> <p>Membuat infrens yang mudah</p> <p>Komunikasi agak menarik</p> <p>Contoh :</p> <p>Mengekalkan kestabilan politik,negara dan serantau</p>	<p>6M</p> <p>1-2</p> <p>3-4</p> <p>5-6</p>

	<p>Contoh :</p> <p>Mengekalkan kestabilan politik,negara dan serantau  Tidak diganggu oleh mana-mana negara yang berkonflik  Hidup aman tanpa melibatkan peperangan  Pembangunan ekonomi dapat dijalankan  Banyak pelabur dari luar yang melabur  Rakyat dapat banyak peluang pekerjaan.</p> <p>Aras 4</p> <p>Jawapan sangat mendalam/terperinci  Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas  Bukti/contoh sangat sesuai  Membuat inferens yang tepat  Komunikasi/pengolahan sangat menarik  Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh</p> <p>Mengekalkan kestabilan politik,negara dan serantau  Tidak diganggu oleh mana-mana negara yang berkonflik</p>	7-8
(C)	<p>Huraikan usaha-usaha yang telah diambil oleh Malaysia dalam menjaga kepentingan ekonomi melalui dasar luarnya pada tahap ketiga ?</p> <p>F1 Hubungan dengan negara-negara ASEan dieratkan</p> <p>H1a menjadikan negara jiran sebagai rakan perdagangan utama</p> <p>H1b menyelesaikan krisis antara negara anggota ASEAN</p> <p>C Vietnam dan Kampuchea</p> <p>F2 Pengenalan Dasar Pandang Ke Timur</p> <p>H2a memenadang negara Jepun dan Korea Selatan</p> <p>H2b dijadikan model bagi membangunkan negara</p> <p>H2c menerima pakai nilai-nilai yang baik</p> <p>H2d Kesungguhan dalam pekerjaan</p> <p>H2e Pengurusan Kerja yang baik</p> <p>F3 Meningkatkan hubungan dua hala</p>	<p>8M</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

### CONTOH SEJARAH KERTAS 3 TUGASAN SPESIFIK

Pembentukan Malaysia melalui ranjau duri, tumpahan air mata dan darah ke arah pembinaan satu "keluarga besar Malaysia" yang berdaulat.

Sumber : <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/penubuhan-malaysia>

Berdasarkan pernyataan tersebut, jawab soalan / tugas berikut.

Aspek	Soalan / Tugas	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan secara ringkas tentang latar belakang cadangan pembentukan Malaysia.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Huraikan faktor – faktor pembentukan Malaysia.	20 markah
	3. Reaksi dalam negeri dan luar negara terhadap pembentukan Malaysia. Jelaskan reaksi dalam negeri dan luar negara terhadap pembentukan Malaysia : i. Sabah dan Sarawak (15 M) ii. Indonesia dan Filipina (15 M)	30 markah
	4. Jelaskan kesan pembentukan Malaysia terhadap ekonomi, politik, dan sosial.	10 markah
	5. Kejayaan negara hasil pembentukan Malaysia. Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh negara hasil pembentukan Malaysia sehingga kini.	10 markah
	6. Cabaran dan langkah untuk menjamin kedaulatan negara dan bangsa Malaysia. i. Jelaskan cabaran yang boleh menggugat kedaulatan Malaysia masa kini. (5 M) ii. Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran di atas. (5 M)	10 markah
	7. Nilai-nilai murni daripada pembentukan Malaysia. Nyatakan nilai-nilai murni atau iktibar yang dapat dihayati melalui reaksi pembentukan Malaysia.	10 markah
Kesimpulan	8. Rumusan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang diperoleh</li> <li>• Iktibar kepada diri, bangsa dan negara</li> <li>• Harapan</li> </ul>	5 markah

